

BAB SATU
SISTEM PUSAKA ISLAM

1.1 Pengenalan

Islam merupakan agama yang sempurna dan adil. Ia mengandungi berbagai-bagai peraturan dan ketetapan bagi mengatur kehidupan manusia agar lebih teratur. Antaranya mengadakan sistem bermuamalah yang sempurna dan termasuklah mengadakan sistem pembahagian harta pusaka atau *farā'īd*.

Sistem pembahagian pusaka Islam yang dikenali sebagai sistem *farā'īd* merupakan suatu sistem pembahagian yang terbaik dalam kaedah pembahagian harta. Ia merupakan suatu ketetapan daripada Allah s.w.t yang telah dinvatakan di dalam al-Qurān dan Hadīth-hadīth Nabi s.a.w¹. Di samping itu, ia adalah suatu sistem yang adil dan teratur yang tidak terdapat di dalam amalan agama-agama lain.

Allah s.w.t telah mengadakan sistem *farā'īd* ini dengan menetapkan kadar dan penerimanya². Dalam menentukan kadar, Islam telah menentukan kadar yang lebih kepada golongan lelaki berbanding golongan perempuan. Ini kerana tanggung-jawab yang diamanahkan kepada golongan lelaki lebih berat berbanding golongan perempuan³. Mereka diwajibkan membayar mas kahwin dan menanggung segala nafkah hidup keluarganya⁴. Mereka juga menjadi pelindung kepada golongan perempuan

daripada sebarang bentuk penindasan⁵. Bagi golongan perempuan, selain daripada mendapat bahagian pusaka mereka mendapat nafkah atau perbelanjaan hidup yang dipertanggungjawabkan ke atas golongan lelaki⁶. Di samping itu, mereka juga tidak diwajibkan menanggung sara hidup diri dan keluarga kerana segala kewajipan tersebut akan ditanggung oleh bapanya⁷. Setelah mereka berkahwin, kewajipan tersebut akan ditanggung pula oleh suaminya⁸. Dalam menentukan penerimanya pula, Islam menentukan mereka yang mempunyai hubungan darah dan perkahwinan yang sah dengan si mati berhak menerima harta tersebut tanpa membezakan hak di antara golongan lelaki dan golongan perempuan⁹.

Di samping itu, pembahagiannya pula bukanlah berdasarkan kepada kepentingan ahli waris tertentu tetapi berdasarkan kepada keadilan tanpa melihat kepada kedudukan, pangkat dan harta seseorang. Apabila berlaku kematian, ahli-ahli waris yang sah akan menerima harta-harta peninggalan si mati mengikut kadar yang telah ditetapkan¹⁰.

Dengan kaedah pembahagian yang adil dan teratur, sistem *farā'id* bukan sahaja memperteguhkan ikatan kekeluargaan dan mengeratkan permuafakatan sesama ahli keluarga, malah menjamin umatnya sentiasa hidup bahagia¹¹. Ini kerana sistem *farā'id* adalah sistem yang mengutamakan semangat persauda-

raan, menjalin hubungan kasih sayang di samping mengikis semangat kesukuan dan kekeluargaan yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan ahli keluarga¹².

1.2 Pengertian Pusaka Menurut Islam

Pusaka berasal daripada perkataan Arab iaitu *Mirāth*. Ia merupakan kata terbitan (مصادر) *waritha* (ورثة), *yarithu* (يرث), *wirthan* (ورثة), *warathatan* (ورثة), *mirthah* (مرثة) yang bererti pusaka atau peninggalan si mati¹³. Pada asalnya, perkataan ini mempunyai dua makna iaitu *al-bagā'* (الباقي) yang bererti kekal di mana harta tersebut akan tetap kekal dimiliki oleh waris si mati walaupun selepas kematian seseorang dan *al-intiqāl* (الانتقال) yang bererti berpindah di mana harta yang dimiliki oleh si mati akan tetap berpindah kepada waris si mati¹⁴.

Mirāth juga dikenali sebagai *farā'id* yang bererti ketetapan atau kewajipan¹⁵. Di segi bahasa, ia diertikan sebagai penentu kadar atau *al-taqdīr* (التقدير)¹⁶. Ketetapan yang dimaksudkan ialah menetapkan pembahagian harta-harta yang ditinggalkan oleh si mati menaikut kadar dan bahagian tertentu kepada ahli waris¹⁷ yang terdiri daripada kaum kerabat si mati, melalui perkahwinan serta *walā'*¹⁸.

Dari sudut istilah, para ulama figh mempunyai pentakrifan yang berbeza. Namun, ia tidak menujukkan perbezaan yang ketara dari segi pengertiannya. Antaranya,

mirāth diertikan dengan memindahkan segala harta-harta yang dimiliki oleh si mati kepada ahli-ahli waris yang masih hidup sama ada harta yang ditinggalkan berupa wang ringgit, harta alih ataupun tak alih dan sebagainya¹⁹.

Menurut Dr. Wahbah al-Zuhaili²⁰, *mirāth* ialah suatu kaedah di dalam ilmu fiqh yang berkaitan dengan urusan pembahagian ke atas harta peninggalan si mati kepada setiap ahli waris. Ia merupakan suatu ketetapan yang mesti dilaksanakan dengan kadar pembahagian daripada Allah s.w.t²¹.

Mirāth juga bermaksud suatu pembahagian yang telah ditetapkan kadarnya mengikut hukum syarak kepada ahli-ahli waris²². Selain daripada itu, *mirāth* juga ditakrifkan sebagai hak yang boleh dibahagikan dan diserahkan kepada ahli waris yang berhak selepas berlaku kematian dengan sebab hubungan kerabat, suami atau isteri atau *walā'*²³.

Di dalam kamus dewan, istilah *mirāth* dikenalikan sebagai *farā'id*. Ia juga diistilah sebagai pusaka yang membawa maksud segala harta yang ditinggalkan oleh si mati sama ada harta alih dan harta tak alih²⁴.

Berdasarkan kepada beberapa takrif di atas, disimpulkan bahawa *mirāth* ialah suatu cara atau kaedah fiqh yang berdasarkan kepada yang ditetapkan oleh Allah s.w.t di dalam

pengurusan harta pusaka. Ia merupakan suatu kaedah pembahagian ke atas harta yang ditinggalkan oleh si mati sama ada harta alih atau tidak alih untuk diserahkan kepada ahli-ahli waris yang berhak menerimanya menurut hukum syarak.

1.3 Dalil Pensyariatan Pusaka

Dalil pensyariatan pusaka ini berdasarkan al-Qurān, al-Hadīth, Ijmā' para sahabat dan ijtihad para sahabat.

a). Firman Allah s.w.t. Antaranya ialah:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلَّذِكْرِ مِثْلُ حَظِّ الْأَنْشَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ أَكْنَتِينِ فَلَهُنَّ ثُلَثًا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا الْيَصْفُ وَلَا بَوِيهٌ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا أَلْسُدُسٌ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبْوَاهُ فَلِأُمِّهِ الْثُلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ وَإِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ أَلْسُدُسٌ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ عَابِرُوكُمْ وَأَبْنَاؤُوكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيْهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةٌ مِنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْمًا حَكِيمًا ﴿٦﴾

Maksudnya: "Allah mensyariatkan bagi kamu tentang pembahagian pusaka untuk anak-anak kamu iaitu bahagian seorang anak lelaki sama dengan bahagian dua orang anak perempuan dan jika anak itu semuanya perempuan dan lebih dari dua maka bagi mereka dua pertiga dari harta yang ditinggalkan dan jika anak perempuan itu seorang sahaja maka ia berhak mendapat setengah daripada harta. Dan untuk dua orang ibubapa. masing-masing baginya satu perenam daripada harta yang ditinggalkan, jika yang meninggal itu mempunyai anak. Jika orang yang meninggal itu tidak mempunyai anak dan ia diwarisi oleh ibubabanya sahaja, maka ibunya mendapat satu pertiga. Jika yang meninggal itu mempunyai beberapa saudara. maka ibunya mendapat satu perenam. Pembahagian tersebut di atas sesudah dipenuhi wasiat-wasiat yang dibuat atau sudah dibayar hutangnya. Tentang orang tuamu dan anak-anakmu, kamu tidak mengetahui siapa di antara mereka yang lebih dekat (banyak) manfaatnya bagimu. Ini adalah ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Lagi Bijaksana".

(surah an-Nisā': 11)

b). Hadīth Nabi s.a.w. Terdapat banyak hadīth yang berhubung dengan pensyariatan pusaka. Antaranya hadīth yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a iaitu²⁵:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :
تَعْلَمُوا الْفَرَائِضَ وَعَلِمُوهَا فَإِنَّهَا نَصْفُ الْعِلْمِ
وَهُوَ يَنْسَى وَهُوَ اولُ شَيْءٍ يَنْزَعُ مِنْ امْتِنَى

Maksudnya: Dari Abu Hurairah r.a. Rasullullah s.a.w bersabda: "Hendaklah kamu mempelajari ilmu farā'id dan ajarkanlah kerana ia adalah setengah ilmu, ia adalah dilupakan dan ia adalah sesuatu yang mula dicabutkan dari umatku".

(Riwayat Ibn Majah dan al-Darūquthny)

Dan sabda Nabi s.a.w lagi²⁶:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

الْعِلْمُ ثَلَاثَةٌ وَمَا سُوِّيَ ذَلِكَ فَضْلٌ إِيَّاهُ مُحَكَّمٌ

أَوْ سَنَةٌ قَائِمَةٌ أَوْ قَرِيبَةٌ عَادِلَةٌ

Maksudnya: Dari Abdullah bin Amru r.a, Rasulullah s.a.w bersabda: "Ilmu itu terbahagi tiga. yang lainnya adalah lebihan, iaitu ayat muhkamat. sunnah yang ditegakkan dan pembahagian pusaka yang adil".

(Riwayat Abu Daud dan Ibn. Majah)

c). Ijmā' para sahabat iaitu para sahabat telah melakukan persepakatan di dalam masalah pusaka. Ia dilakukan setelah timbulnya permasalahan di dalam pembahagian pusaka. Contohnya, di dalam menentukan bahagian pusaka datuk ketika ketiadaan bapa, bahagian anak lelaki daripada anak lelaki (cucu lelaki) dan bahagian saudara perempuan sebab²⁷.

d). Ijtihad para sahabat, di mana para sahabat telah mengeluarkan hukum tertentu dalam masalah pusaka yang tidak dinyatakan di dalam al-Qurān atau Hadīth Nabi s.a.w. Antaranya, dalam masalah 'aūj²⁸, radd²⁹, sebahagian daripada masalah ḥajjb³⁰ dan pusaka Nabi s.a.w.³¹.

1.4 Rukun-rukun Pusaka

Terdapat tiga rukun pusaka iaitu³²:

- a) *Muwarrith* (مورث) iaitu pewaris itu mati (si mati itu sendiri) sama ada kematiannya secara *haqiqi* (حقيقى) iaitu mati yang sebenar³³ atau mati secara *hukmi* (حكمي)³⁴ atau mati secara *taqdīrī* (تقديري)³⁵.
- b) *Wāris* (وارث) iaitu orang yang berhak menerima pusaka. Mereka terdiri daripada ahli-ahli *fard*³⁶, 'asabah (عصبه)³⁷ dan *zawi al-arhām* (ذوي الارحام)³⁸. Sekiranya si mati tidak meninggalkan sebarang waris dengan sebab tertentu seperti kematian ahli-ahli waris pada masa yang sama, maka harta si mati hendaklah diserahkan kepada waris saudaranya yang masih hidup. Kaedah pembahagian ini adalah berdasarkan kepada suatu peristiwa di mana Saidina Abu Bakar r.a telah memerintahkan Zaid bin Thābit supaya membahagi-bahagikan pusaka mereka yang mati syahid selepas perang dan Yarmu' kepada saudara-saudara mereka yang masih hidup³⁹.

Para ulama fiqh⁴⁰ juga bersepakat bahawa sekiranya berlaku kematian yang dikatakan 'meninggal bersama-sama', mereka tidak akan saling waris mewarisi antara satu sama lain. Justeru itu, bahagian harta pusaka mereka hendaklah diwarisi oleh ahli waris mereka yang masih hidup⁴¹.

Sekiranya si mati meninggalkan ahli waris yang masih di dalam kandungan ibu atau janin, Mazhab Hanafi berpendapat, janin tersebut berhak menerima pusaka dengan svarat ia dilahirkan hidup⁴². Manakala Mazhab Syāfi‘ī, Mālikī dan Hanbali berpendapat, janin tidak berhak mendapat pusaka kecuali ia dilahirkan hidup. Namun, mereka tetap memberikan hak pusaka kepada janin dengan berdasarkan kepada anggapan hidup sahaja⁴³. Para fuqahā' kecuali Mazhab Hanafi mensyaratkan, bayi itu hendaklah dilahirkan sempurna. Sekiranya ia lahir sebahagian daripada badannya kemudian mati, ia tidak berhak mendapat pusaka⁴⁴. Mazhab Hanafi berpendapat, kelahiran itu memadai dengan keluarnya sebahagian daripada badannya dan nyata bayi itu hidup⁴⁵.

Dalam masalah pembahagian pusaka ke atas janin, Mazhab Syāfi‘ī dan Mālikī berpendapat sekiranya pembahagian tersebut boleh menjegas hak atau bahagian ahli-ahli waris yang lain maka pembahagian pusaka si mati hendaklah ditangguhkan sehingga janin tersebut dilahirkan. Penangguhan tersebut bertujuan untuk memudahkan pembahagian pusaka si mati sama ada janin tersebut berhak menerima atau sebaliknya⁴⁶. Walau bagaimanpun, sekiranya kelahiran bayi tersebut tidak menjaskan hak atau bahagian ahli-ahli waris lain seperti janin yang telah diketahui jantinanya melalui kemajuan teknologi moden dan sebagainya, maka pembahagiannya boleh dilakukan tanpa menunggu kelahiran bayi tersebut⁴⁷.

Mazhab Hanafī dan Hanbali pula berpendapat. pembahagian pusaka untuk janin hendaklah disimpan menaikut kadar tertentu. Biasanya, kadar harta yang akan disimpan untuk janin ialah berdasarkan bahagian dua orang anak yang akan dilahirkan sama ada anak lelaki dan anak perempuan atau menurut mana di antara keduanya yang terbanyak menerima harta⁴⁸.

c) *Maurūth* (مورث) iaitu harta-harta yang ditinggalkan oleh si mati⁴⁹. Ini meliputi segala harta yang dimiliki oleh si mati semasa hidupnya sama ada harta alih dan harta tak alih. Harta tersebut akan diwarisi setelah digunakan untuk membiayai urusan pengebumian jenazahnya. melunaskan segala hutang-puitang dan menunaikan wasiat si mati⁵⁰.

1.5 Sebab-sebab Penerimaan Pusaka

Mengikut *Jumhūr fuqahā'*, hak pusaka dan mempusakai dalam Islam berlaku dengan salah satu daripada perkara-perkara berikut⁵¹:

a) *Nasab* atau keturunan iaitu hubungan yang wujud dengan sebab pertalian darah dan kekeluargaan dengan si mati seperti ayah, ibu, datuk, anak dan sebagainya. Mereka akan mendapat bahagian pusaka si mati sama ada secara *fard* seperti ibu atau *fard* dan *'asabah* seperti bapa atau *'asabah sahaja* seperti saudara lelaki⁵².

b) Nikah atau perkahwinan yang sah di antara suami isteri⁵³. Sekiranya perkahwinan seseorang itu terbatal atau *fāsid*⁵⁴ dengan sebab-sebab yang nyata seperti pernikahan tanpa saksi, persetubuhan *syubhah*, maka Jumhūr *fugahā'* yang terdiri daripada Syafi'i, Hanafi dan Hanbali bersepakat ia tidak berhak mendapat harta pusaka⁵⁵. Manakala Mazhab Maliki berpendapat, sekiranya pernikahan *fāsid* disebabkan oleh perselisihan pendapat di kalangan *fugaha'* seperti pernikahan tanpa keizinan wali atau tidak disaksikan oleh bilangan saksi yang mencukupi, ia masih berhak mendapat pusaka⁵⁶.

Para *fugahā'* juga bersepakat, isteri yang diceraikan dengan *talāq rajī* berhak menerima pusaka suaminya sekiranya dalam tempoh idah tersebut suaminya mati⁵⁷. Namun, isteri tersebut tidak berhak menerima pusaka suaminya sekiranya ia diceraikan dengan *talāq bā'in*⁵⁸.

Dalam masalah isteri yang diceraikan oleh suaminya ketika sedang nazak, para Jumhur *fugahā'* kecuali Mazhab Syāfi'i berpendapat ia berhak mendapat pusaka suaminya. Ini berdasarkan kepada suatu peristiwa di mana Saidina Uthmān bin Affān telah melakukan pembahacian pusaka kepada isteri Abd. Rahman bin Auf yang diceraikannya ketika beliau sedang nazak⁵⁹. Manakala Mazhab Syāfi'i berpendapat, isteri yang diceraikan ketika suaminya sakit tenat atau nazak tidak berhak menerima pusaka kerana isteri yang diceraikan ketika

itu dianggap sama seperti isteri yang diceraikan dengan *talāq bā'in*⁶⁰.

c) *Walā'* iaitu hubungan di antara hamba dan tuannya di mana hamba tersebut telah dimerdekakan⁶¹. *Walā'* terbahagi dua iaitu *walā'* dengan sebab pembebasan hamba⁶² dan *walā'* dengan sebab perjanjian yang dilakukan oleh seseorang⁶³. Walau bagaimanapun, Jumhūr fuqahā' kecuali Mazhab Hanafi bersepakat, hanya *walā'* dengan sebab pembebasan hamba berhak mendapat pusaka⁶⁴. Mengikut Mazhab Hanafi, *walā'* dengan sebab perjanjian tetap mendapat pusaka.

Selain itu, Mazhab Syāfi'i dan Mālikī telah menambah Islam sebagai salah satu sebab dalam penerimaan pusaka sedangkan Mazhab Hanafi dan Hanbali sebaliknya⁶⁵. Mazhab Syāfi'i dan Mālikī berpendapat, ahli waris yang berlainan agama tidak berhak menuntut pusaka si mati. Sekiranya si mati tidak meninggalkan ahli waris yang beragama Islam, harta si mati hendaklah diserahkan kepada *Baitulmāl* atau Perbendaharaan Negara untuk diwarisi oleh orang-orang Islam secara 'asabah⁶⁶. Manakala Mazhab Hanafi dan Hanbali, harta si mati hendaklah diserahkan kepada kaum kerabat si mati⁶⁷.

1.6 Sebab yang menghalang seseorang menerima pusaka

Jumhūr fuqahā' telah bersepakat, terdapat tiga perkara yang menyebabkan seseorang itu dihalang daripada menerima

pusaka iaitu pembunuhan, perhamaan dan berlainan agama⁶⁸. Manakala, Mazhab Hanafī telah menambah satu syarat iaitu berlainan negara selain daripada tiga syarat di atas sebagai perkara yang menghalang seseorang menerima pusaka⁶⁹:

a) Pembunuhan iaitu sebarang pembunuhan yang dilakukan terhadap *muwarrith* atau orang yang memberi pusaka. Para *fuqahā'* bersepakat, pembunuhan ahli waris ke atas si mati akan menghalang dirinya daripada menerima pusaka⁷⁰. Islam mengharamkan sebarang pembunuhan, lebih-lebih lagi pembunuhan yang bertujuan untuk menyegerakan seseorang ahli waris itu mendapat pusaka daripada harta si mati⁷¹. Ini telah ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w iaitu⁷²:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ

أَنَّ النَّبِيَّ (ص) قَالَ: لَا يَرِثُ الْفَقَاتِلَ

Maksudnya: Dari Abu Hurairah r.a, Rasulullah s.a.w bersabda: "Seseorang yang membunuh tidak berhak mendapat pusaka".

(Riwayat Abu Daud dan Ibn. Majah)

Namun, terdapat perbezaan pendapat di kalangan mereka tentang bentuk pembunuhan yang dilakukan sama ada pembunuhan secara sengaja atau tidak sengaja⁷³.

b) Berlainan agama. Perbezaan adama di antara si mati dengan ahli waris dengan sebab kafir atau murtad akan menghalang dirinya daripada menerima pusaka⁷⁴. Ini dinyatakan dalam hadīth Nabi s.a.w iaitu⁷⁵:

عَنْ أَسَمَّةِ بْنِ زَيْدٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

لَا يرثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرُ وَلَا الْكَافِرُ الْمُسْلِمُ

Maksudnya: Dari Usamah bin Zaid. Rasulullah s.a.w bersabda: "Seseorang Muslim tidak boleh mewarisi dari orang kafir dan seseorang kafir tidak boleh mewarisi dari seorang Muslim"
(Riwayat al-Jamā'ah
kecuali Muslim dan Nasa'i)

c) Perhambaan iaitu sekiranya seorang hamba meninggal dunia, hartanya tidak boleh dipusakai oleh tuannya. Ini kerana seorang hamba dikira tidak mempunyai sebarang harta disebabkan harta yang dimilikinya itu dikira milik tuannya malah, dirinya dianggap sebagai harta kepada tuannya⁷⁶.

Dalam masalah berlainan negara. Jumhūr fudahā' kecuali Mazhab Hanafī berpendapat ia tidak menghalang seseorang daripada menuntut harta pusaka. Ini disebabkan mereka tetap dianggap tinggal di dalam sebuah negara Islam. Mengikut Mazhab Hanafī, seseorang yang tinggal berlainan negara akan menghalang seseorang daripada menerima pusaka⁷⁷.

Manakala dalam masalah ketaksahan taraf anak di mana sekiranya si mati meninggalkan ahli waris yang tidak sah taraf seperti anak luar nikah atau anak li'an. Para fuqahā' berpendapat, ahli waris tersebut tidak berhak mendapat harta pusaka bapanya⁷⁸. Namun, ia berhak mendapat harta pusaka ibunya dan harta pusaka dari saudara sebelah ibunya. Sekiranya, ahli waris tersebut mati, Mazhab Syāfi'i, Hanafī dan Mālikī berpendapat, hartanya hendaklah dibahagikan secara *fard* kepada ahli waris yang berhak. Manakala Mazhab Hanbali pula berpendapat hartanya akan diwarisi oleh ibunya secara 'asabah⁷⁹. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat baki dalam pembahagian tersebut, Mazhab Syāfi'i dan Mālikī berpendapat, ia hendaklah diserahkan kepada *Baitulmāl*. Mazhab Hanafī pula berpendapat, ia hendaklah diraddkan keada saudaranya⁸⁰.

1.7 Konsep Peninggalan (*al-Tarikah*)

Perkataan *al-tarikah* merupakan suatu istilah yang berasal daripada perkataan Arab yang bererti *peninggalan*⁸¹. Para fuqahā' telah memberikan pengertian *al-tarikah* dengan beberapa pengertian yang berbeza.

Mazhab Syāfi'i mentakrifkan *al-tarikah* sebagai segala harta yang dimiliki oleh si mati semasa hayatnya yang ditinggalkan kepada ahli warisnya sama ada harta benda, hak kepunyaan dirinya atau harta yang dimiliki setelah mati⁸². Ini termasuklah hak orang lain yang tidak dapat diselesaikan oleh si mati semasa hayatnya seperti masalah jenayah, pertu-

duhan zina, tuntutan harta atau bayaran diat dengan sebab berlakunya pembunuhan⁸³.

Menurut Mazhab Mālikī, *al-tarikah* diertikan sebagai hak yang boleh dibahagikan dan menjadi milik tetap kepada ahli warisnya setelah ia meninggal dunia⁸⁴. Mazhab Hambali pula, menyamakan pengertian *al-tarikah* ini dengan *mirāth* iaitu suatu hak yang diambil alih dari si mati dan disebutkan juga sebagai *al-turāk* iaitu peninggalan atau pusaka⁸⁵.

Mazhab Hanafī pula memberikan pengertian yang agak berbeza. Ia diertikan sebagai segala harta yang ditinggalkan oleh si mati yang bersih dan bebas daripada sebarang tuntutan orang lain. Sekiranya harta tersebut masih berkaitan dengan orang lain seperti harta yang masih tergadai dengan sebab hutang yang belum dijelaskan dan sebagainya. maka harta tersebut belum lagi dikira sebagai *al-tarikah* atau harta peninggalan si mati⁸⁶.

Terdapat juga di kalangan fughahā' yang memberikan pengertian *al-tarikah* ini. Misalnya. Dr. Muhamad Ali al-Šabuni telah mentakrifkannya sebagai segala harta peninggalan yang ditinggalkan oleh si mati selepas kematiannya sama ada harta alih ataupun tak alih⁸⁷.

Berdasarkan beberapa pengertian di atas dapat difahami.

al-tarikah adalah segala harta yang ditinggalkan oleh si mati sama ada harta alih dan harta tak alih dan ia hendaklah bebas daripada sebarang tuntutan orang lain ke atas harta tersebut. Justeru itu, harta tersebut hendaklah digunakan untuk menyelesaikan segala tuntutan si mati semasa havatnya termasuklah hak yang berkaitan dengan hak Allah s.w.t. hak pengebumian jenazah dirinya dan hak yang berkaitan dengan orang lain. Ia bertujuan supaya si mati tidak akan menanggung sebarang bebanan atau tuntutan selepas kematiannya di samping segala urusan si mati semasa hidupnya akan sempurna tanpa membebankan masalah kepada warisnya⁸⁸.

Oleh yang demikian, para *fugahā'* telah bersepakat terdapat hak-hak si mati yang perlu ditunaikan sebelum pembahagian harta dilakukan di mana ia hendaklah ditunaikan secara tertib. Hak-hak tersebut ialah⁸⁹:

- i. Hak yang berkaitan dengan harta si mati.
- ii. Perbelanjaan pengurusan dan pengebumian jenazah.
- iii. Hutang yang terikat dengan tanggungan si mati.
- iv. Menunaikan wasiat si mati.
- v. Membahagikan pusaka.

a). Hak yang berkaitan dengan harta si mati

Para *fugahā'* berpendapat⁹⁰, hak yang berkaitan dengan harta si mati merupakan tanggungan hutang si mati yang tidak dapat disempurnakan semasa hayatnya. Umpamanva, tanggungan hutang yang disebabkan oleh pembelian sesuatu barang, baya-

ran sewa yang belum dijelaskan, pajak gadai dan sebagainya⁹¹. Sekiranya si mati meninggalkan pusaka berserta gadai-an, ahli waris hendaklah menjelaskan bavar-an gadaian tersebut. Dalam menyempurnakan hutang si mati. Mazhab *Svāfi'ī* dan *Mālikī* berpendapat, hutang si mati hendaklah dijelaskan terlebih dahulu daripada menyempurnakan urusan pengebumian jenazahnya. Ini memandangkan urusan pengebumian tersebut boleh diuruskan oleh kaum kerabat si mati. orang-orang Islam atau *Baitulmāl*⁹². Manakala Mazhab *Hanafī* pula berpendapat, urusan pengebumian jenazah hendaklah didahulukan daripada menjelaskan hutang si mati kecuali sekiranya hutang tersebut dituntut oleh pemberi hutang⁹³. Pendapat ini turut diterima oleh Mazhab *Hanbali* dengan menambah sekiranya terdaat tuntutan ke atas hutang si mati sebelum pengebumian jenazahnya, hutang tersebut hendaklah dijelaskan terlebih dahulu⁹⁴.

b). Perbelanjaan pengurusan dan pengebumian jenazah

Jumhūr *fugahā'* bersepakat, segala perbelanjaan yang berkaitan dengan pengurusan jenazah si mati seperti memandi-kan, mengkafarkan, menyembahyangkan dan mengkebumikan hen-daklah diambil daripada harta si mati sendiri. Sekiranya si mati tidak meninggalkan sebarang harta, perbelanjaan ke atas jenazah tersebut hendaklah ditanggung oleh kaum kerabat si mati. Sekiranya harta si mati tidak mencukupi, perbelan-jaan pengurusan jenazah hendaklah diambil daripada peruntu-kan *Baitulmāl*⁹⁵. Sekiranya *Baitulmāl* tidak mempunyai perun-

tukan, ia menjadi tanggungan setiap umat Islam sebagai memenuhi kewajipan fardū kifāyah ke atas mereka⁹⁶.

Dalam masalah menguruskan perbelanjaan dan pengebumian jenazah suami isteri, terdapat beberapa pendapat di kalangan para fuqahā'. Mazhab Hanafī, Syāfi'i dan Mālikī berpendapat, seorang suami wajib menguruskan segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan pengebumian jenazah isterinya walaupun ia seorang yang miskin. Ini kerana urusan pengebumian itu merupakan sebahagian daripada nafkah suami terhadap isterinya⁹⁷. Namun, sekiranya suami mati lebih dahulu daripada isterinya, Mazhab Hanafī dan Mālikī berpendapat, pihak suami tetap wajib menanggung segala perbelanjaan pengebumian jenazah isterinya walaupun suami mati sebaik sahaja kematian isterinya sedangkan Mazhab Syāfi'i berpendapat sebaliknya⁹⁸. Namun, Mazhab Mālikī telah menambah dalam melaksanakan urusan pengebumian jenazah isterinya. segala perbelanjaan tersebut hendaklah ditanggung oleh ahli waris yang bakal mewarisi hartanya⁹⁹.

Manakala Mazhab Hanbali dan sebahagian ulama di kalangan Mazhab Mālikī berpendapat, seorang suami tidak wajib untuk menguruskan perbelanjaan pengebumian jenazah isterinya walaupun suami itu seorang yang kaya. Ini kerana kewajipan sebagai seorang suami telah terputus disebabkan kematian isterinya¹⁰⁰. Justeru itu, perbelanjaan untuk menguruskan pengebumian jenazah isteri tersebut hendaklah

diambil daripada hartanya sendiri. Sekiranya harta nya tidak mencukupi, belanja menguruskan pengebumiannya hendaklah diambil daripada kaum kerabatnya atau *Baitulmāl*¹⁰¹.

c). Hutang yang terikat dengan tanggungan si mati.

Para fuqahā' telah mentakrifkan hutang seumpama ini merupakan hutang manusia dengan Allah s.w.t seperti nazar, kifārah, puasa dan haji yang dinazarkan. Mazhab Syāfi'i berpendapat, sekiranya si mati ada melakukan nazar atau seumpamanya semasa hidupnya, pihak waris hendaklah menyelesaikan dengan cara membayar fidyah yang diambil daripada harta si mati sendiri bagi menggantikan kewajipan tersebut¹⁰². Bagi ibadat haji yang dinazarkan nula. ia hendaklah ditunaikan oleh ahli waris bagi pihak si mati.

Dalam menyelesaikan hutang yang ditanggung oleh si mati, Mazhab Syāfi'i berpendapat, hutang dengan Allah s.w.t hendaklah diutamakan daripada menjelaskan hutang sesama manusia¹⁰³. Manakala Mazhab Hanafi dan Mālikī berpendapat, hutang individu mesti diselesaikan terlebih dahulu daripada hutang dengan Allah s.w.t. Ini kerana hutang dengan Allah s.w.t dianggap gugur dengan sendirinya disebabkan kematiannya. Di samping itu, si mati tidak lagi mampu untuk menyelesaikan hutang tersebut¹⁰⁴. Di dalam masalah pembayaran zakat si mati yang terhutang, ia mesti dijelaskan sekiranya diminata oleh si mati sebelum kematiannya¹⁰⁵.

d). Menunaikan wasiat si mati

Sekiranya si mati meninggalkan wasiat¹⁰⁶ terhadap seseorang yang ditetapkan, para fugahā' bersepakat wasiat tersebut wajib ditunaikan oleh ahli waris¹⁰⁷. Ini termasuklah pemberian yang dibuat semasa si mati sedang nazak. Wasiat tersebut hendaklah ditunaikan setelah segala perbelanjaan yang berkaitan dengan pencurusan pengebumian jenazah si mati, segala hutang-puitang si mati sama ada hutang yang telah ditanggung oleh si mati dengan orang lain atau hutang dengan Allah s.w.t. disempurnakan. Ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t di dalam surah an-Nisā' ayat 11 iaitu:

وَمِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُؤْخِسُ بِهَا أَوْ دَيْنٌ

Maksudnya: "Pembahagian tersebut di atas sesudah dipenuhi wasiat-wasiat yang dibuat atau sudah dibayar hutangnya".

(surah an-Nisā': 11)

Ayat di atas jelas menyatakan bahawa wasiat si mati hendaklah ditunaikan setelah segala tuntutan yang berkaitan dengan si mati diselesaikan. Walaupun di dalam ayat tersebut, Allah s.w.t menyatakan wasiat terlebih dahulu daripada tuntutan-tuntutan lain, ulama figh telah bersetuju hutang yang dikaitkan dengan harta tertentu ke atas harta pusaka seperti gadaian hendaklah dijelaskan terlebih dahulu.

Dalam menentukan kadar wasiat, Jumhūr fuqahā' bersepakat bahawa kadar wasiat ialah tidak melebihi satu pertiga daripada harta si mati¹⁰⁸. Namun, Mazhab Svāfi‘ī, Mālikī dan Hanbali berpendapat, seseorang itu tidak harus berwasiat melebihi satu pertiga daripada hartanya. Sekiranya si mati mewasiatkan hartanya melebihi kadar tersebut, ia perlulah mendapat persetujuan semua ahli waris¹⁰⁹. Manakala Mazhab Hanafī berpendapat, seseorang itu boleh mewasiatkan semua hartanya sekiranya pewasiat itu tidak meninggalkan sebarang ahli waris¹¹⁰.

Islam juga menetapkan penerima wasiat bukanlah terdiri daripada ahli-ahli warisnya. Jumhūr fuqahā' berpendapat, wasiat yang ditujukan kepada ahli-ahli waris adalah tidak diharuskan. Ini kerana ahli waris telahpun ditentukan bahagian mereka di dalam pembahagian pusaka¹¹¹.

Walau bagaimanapun, Mazhab Syāfi‘ī berpendapat, berwasiat kepada ahli waris adalah harus sekiranya mendapat persetujuan daripada ahli-ahli waris yang lain¹¹². Persetujuan tersebut hendaklah diperolehi selepas kematian orang yang membuat wasiat. Ini bermakna, sekiranya persetujuan yang diperolehi itu sebelum daripada kematian orang yang membuat wasiat, maka wasiat tersebut dianggap tidak sah¹¹³.

e) Membahagikan pusaka

Setelah harta si mati digunakan untuk menyempurnakan segala urusan yang berkaitan dengan si mati seperti perbelanjaan yang berkaitan dengan pengurusan pengebumian jenazah, menyelesaikan segala tanggungan hutang dan menunaikan wasiat si mati, maka Islam menetapkan baki daripada harta si mati tersebut hendaklah dibahagikan kepada ahli-ahli waris yang berhak menerimanya¹¹⁴. Ini bertujuan supaya segala urusan yang berkaitan si mati semasa di dunia dapat diselesaikan terlebih dahulu agar si mati dapat berhadapan dengan Allah s.w.t di akhirat kelak tanpa sebarang bebanan. Selain daripada itu, dalam menentukan kaedah pembahagian harta si mati, Islam lebih memberikan keutamaan kepada urusan si mati daripada ahli-ahli waris sendiri¹¹⁵. Sekiranya pembahagian harta dilakukan terlebih dahulu daripada menyempurnakan segala tanggungan si mati, sudah tentu segala bebanan si mati tidak dapat disempurnakan.

1.8 Pemakaian Sistem Pembahagian Harta Pusaka

Secara umumnya, di dalam mengupas tajuk di atas, penulis akan membincangkan sepintas lalu pemakaian sistem pembahagian harta pusaka sebelum dan selepas kedatangan Islam. Ia bertujuan untuk memperlihatkan bagaimana kaedah pemakaian sistem tersebut dilaksanakan.

1.8.1 Sebelum kedatangan Islam

Mengikut sejarah, sistem pembahagian harta pusaka telahpun diamalkan di dalam masyarakat Arab sebelum kedatangan Nabi Muhamad s.a.w lagi¹¹⁶. Namun, perlaksanaan sistem tersebut berdasarkan kepada amalan dan adat pembahagian harta yang lebih bersifat keagamaan dan kesukuan¹¹⁷. Di kalangan masyarakat Arab Jahiliyah umumnya, perlaksanaan sistem pembahagian pusaka dilakukan dengan menetapkan kepada kesukuan dan keturunan yang tertentu¹¹⁸. Manakala kaedah pembahagiannya pula lebih diutamakan kepada golongan lelaki dan mereka yang mempunyai kedudukan di dalam sesbuah kabilah¹¹⁹. Mereka menafikan hak pembahagian pusaka kepada golongan perempuan, kanak-kanak, orang-orang tua dan orang-orang cacat¹²⁰. Ini kerana golongan tersebut dianugerah sebagai golongan lemah dan tidak mampu memberikan sebarang sumbangan terhadap keluarga mereka termasuklah tidak mampu untuk berperang¹²¹.

Selain daripada itu, mereka juga melaksanakan cara pembahagian pusaka melalui perjanjian dan sumpah yang dipersetujui sesama mereka¹²². Apabila berlaku kematian salah seorang daripada mereka, maka yang masih hidup berhak mempusakai sebahagian daripada harta yang ditinggalkan.

Terdapat juga di kalangan mereka yang memberikan hak pewarisan pusaka kepada anak-anak angkat yang dimiliki-

nya¹²³. Pengambilan anak angkat merupakan salah satu adat di kalangan masyarakat Arab Jahiliah. Sekiranya seseorang itu mengambil anak angkat, ia akan terus dibinkan kepada bapa angkat¹²⁴. Ini secara tidak langsung, memberikan hak kepada anak angkat untuk mendapat sebahagian daripada harta pusaka sekiranya bapa angkat mereka meninggal dunia. Jelasnya sistem pembahagian pusaka yang diamalkan oleh masvarakat Arab Jahiliah bukan sahaja dilakukan secara tidak adil malah, menafikan hak pusaka ke atas golongan tertentu yang lebih berhak.

Pembahagian harta pusaka di kalangan masvarakat Yahudi pula, dilaksanakan dengan menetapkan golongan lelaki sahaja kerana golongan tersebut sahaja yang mampu menjadi ketua¹²⁵. Mereka menafikan hak pusaka terhadap golongan perempuan kerana menganggap golongan tersebut adalah golongan yang lemah¹²⁶. Golongan perempuan hanya memperolehi bahagian pusaka melalui bahagian nafkah sehingga mereka baligh ataupun berkahwin¹²⁷. Di samping itu, mereka juga tidak memberikan hak pusaka kepada golongan perempuan sekiranya terdapat golongan lelaki di dalam keluarga si mati¹²⁸.

Berdasarkan kepada kedua-dua kaedah di atas, pembahagian pusaka di kalangan masyarakat Yahudi agak berbeza dengan cara pembahagian yang diamalkan oleh masvarakat Arab Jahiliah. Ini memandangkan masyarakat Yahudi lebih

mementingkan harta dan kedudukan seseorang. sedangkan masyarakat Arab Jahiliah lebih mementingkan kesukuan. Tambahan pula, harta merupakan salah satu kebaangan hidup di kalangan masyarakat Yahudi. Justeru itu, untuk memelihara setiap harta peninggalan si mati agar tidak berpindah kepada orang lain kecuali keluarga si mati sendiri. mereka mengadakan kaedah seumpama ini¹²⁹. Dengan cara demikian, mereka dapat memelihara dan memastikan harta pusaka tersebut akan diwarisi oleh ahli-ahli waris selepas kematian mereka.

1.8.2 Selepas Kedatangan Islam

Setelah kedatangan Islam, amalan pembahagian harta pusaka yang diamalkan oleh masvarakat Arab Jahiliah dan Yahudi telah dihapuskan secara beransur-ansur¹³⁰. Pada peringkat awal sebelum peristiwa penghijrah Nabi s.a.w ke Madinah pada tahun 622M, Islam masih lagi menerima baki sistem pusaka yang diamalkan oleh masyarakat Arab Jahiliah. Namun selepas peristiwa tersebut, Islam telah mengadakan satu sistem sementara yang berdasarkan kepada semangat hijrah dan persaudaraan di antara orang-orang Muhajirin dan orang-orang Ansar di Madinah¹³¹. Ini telah dinyatakan oleh Allah s.w.t. sebagaimana firmanNya:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَهْدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي
تَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ ءَأْوَوْا وَنَصَرُوا أُولَئِكَ بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ بَعْضٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berihad dengan harta dan jiwanya pada jalan Allah dan orang-orang yang memberikan tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Muhibbin), mereka itu satu sama lain lindung-melindungi".

(surah al-Anfāl: 72)

Perlaksanaan sistem sementara yang berasaskan kepada persaudaraan tidak berkekalan. Ini disebabkan turunnya ayat yang membatalkan mempusakai dengan cara tersebut dan digantikan dengan cara yang berasaskan kepada hubungan kekeluargaan¹³². Ini bermakna hanya mereka yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengan si mati sahaja berhak menerima bahagian pusaka. Ini dinyatakan oleh Allah s.w.t dalam surah al-Anfāl ayat 75 dan surah al-Ahzāb ayat 6 iaitu:

وَالَّذِينَ ءامَنُوا مِنْ بَعْدٍ وَهَا جُرُوا وَجَهَدُوا مَعَكُمْ فَأُولَئِكَ مِنْكُمْ
وَأُولُو الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أُولَئِنَّ بِيَعْصِي فِي كِتَابِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُكُلِّ شَيْءٍ



Maksudnya: "Dan orang yang mempunyai hubungan kerabat itu sebagainya adalah lebih berhak terhadap sesamanya (daripada yang bukan kerabat) di dalam kitab Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Segala Sesuatu".

(surah al-Anfāl: 75)

dan FirmanNya lagi:

وَأُولُو الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَى بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ
مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُهَاجِرِينَ إِلَّا أَن تَفْعَلُوا إِلَى أَوْلِيَّكُمْ مَعْرُوفًا

Maksudnya: "Dan orang-orang yang mempunyai hubungan kerabat satu sama lain adalah lebih berhak (waris-mewarisi) di dalam kitab Allah daripada orang-orang Mukmin dan Muhibbin. kecuali kalau kamu mahu berbaik".

(surah al-Ahzāb: 6)

Di samping itu, Islam turut membatalkan hak pewarisan melalui anak-anak angkat. Peristiwa ini berlaku apabila Rasulullah s.a.w menjadikan Zaid bin Harithah sebagai anak angkat baginda dan menukar namanya kepada Zaid bin Muhammad¹³³. Amalan ini turut dilakukan oleh salah seorang sahabat baginda iaitu Abu Huzaifah di mana beliau telah menjadikan Salim bin Utbah sebagai anak angkatnya dan menukarkan namanya kepada Salim bin Abu Huzaifah¹³⁴.

Dengan membinkan anak angkat kepada bapa angkat secara tidak langsung akan menjadikan anak angkat sebagai sebahagian daripada ahli waris si mati dan berhak mempusakai harta bapa angkatnya¹³⁵. Hak mempusakai dengan cara tersebut telah

dibatalkan oleh Allah s.w.t dengan turunnya ayat 4 dan 5 surah al-Ahzāb di mana Allah s.w.t berfirman iaitu:

وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ أَبْنَاءَكُمْ

ذَلِكُمْ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَاهُكُمْ وَاللَّهُ يَقُولُ الْحَقُّ وَهُوَ يَهْدِي آلَّسْبِيلَ ④

أَدْعُوكُمْ لِأَبْيَاهُمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ فَإِنْ لَمْ تَعْلَمُوا إِبَاءَهُمْ

فَإِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ وَمَوَالِيْكُمْ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَلْتُمْ

بِهِ وَلَكِنَّ مَا تَعْمَدْتُ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ⑤

Maksudnya: "Dan Dia tidak meniadikan anak-anak angkatmu sebagai anak kandunganmu sendiri. Yang demikian hanyalah perkataanmu di mulutmu sahaja. Dan Allah mengatakan yang sebenarnya dan Dia menunjukkan jalan yang benar. Panggilah mereka (anak-anak angkat itu) dengan memakai nama bapa-bapa mereka, itulah yang lebih adil di sisi Allah dan jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka mereka adalah saudara-saudaramu seagama dan hamba-hamba kamu".

(surah al-Ahzāb: 4 dan 5)

Dengan turunnya ayat di atas. maka berakhirlah sistem pembahagian pusaka kepada anak angkat dengan cara membinkan kepada bapa angkat¹³⁶.

Sistem pewarisan melalui perjanjian dan sumpah sebagai-mana yang diamalkan oleh masvarakat Arab Jahiliah turut

dibatalkan¹³⁷. Pada peringkat awalnya, Allah s.w.t telah memberikan keharusan untuk terus mengamalkan sistem tersebut sebagaimana dinyatakan di dalam firmanNya:

وَالَّذِينَ عَقدُتُمْ أَيْمَانَكُمْ فَنَاتُوهُمْ نَصِيبُهُمْ

Maksudnya: "Dan jika ada orang-orang yang kamu telah bersumpah setia dengan mereka, maka berilah kepada mereka bahagiannya".
(surah an-Nisā': 33)

Tetapi keharusannya ini kemudiannya telah dibatalkan oleh Allah s.w.t. Pembatalan ini dilakukan setelah turunnya ayat 75 surah al-Anfāl. Firman Allah s.w.t yang berbunyi:

وَأُولُوا الْأَرْحَامَ بَعْضُهُمْ أَوْلَى بِيَعْرِضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ شَرِيعَةً

علیم

Maksudnya: "Dan orang yang mempunyai hubungan kerabat itu sebagainya adalah lebih berhak terhadap sesamanya (daripada yang bukan kerabat) di dalam kitab Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui Segala Sesuatu".

(surah al-Anfāl: 75)

Islam turut mengembalikan hak pusaka terhadap golongan perempuan dan kanak-kanak yang telah dinafikan oleh masyarakat Arab Jahiliyah sebelum ini¹³⁸. Ini dinyatakan oleh Allah s.w.t dengan firmannnya iaitu:

يُوصِّيْكُمُ اللَّهُ فِيْ أَوْلَادِكُمْ

Maksudnya: "Allah mensvariaskan bagimu tentang pembahagian pusaka untuk anak-anakmu..."

(surah an-Nisā': 11)

Dengan turunnya ayat di atas, semua golongan perempuan dan kanak-kanak berhak menikmati hak yang sama dengan golongan lelaki di dalam urusan pembahagian pusaka. Ini secara tidak langsung, memberikan suatu pengiktirafan ke atas golongan tersebut sebagai salah satu golongan yang berhak mendapat bahagian pusaka¹³⁹.

Di samping itu, dengan penurunan ayat di atas juga, maka berakhirlah pemakaian sistem pembahagian harta pusaka masyarakat Arab Jahiliah dan Yahudi. Kedatangan Islam telah menghapuskan segala ketidakadilan yang berlaku dalam amalan kedua-dua sistem tersebut dan menggantikannya dengan suatu sistem yang lebih adil dan teratur. Ini termasuklah menghapuskan amalan dan adat pembahagian harta yang lebih bersifat keagamaan dan kesukuan¹⁴⁰. Sistem pembahagian harta pusaka Islam atau *farā'id* bukan sahaja mengiktiraf semua golongan yang berhak menerima pusaka terutama mereka yang mempunyai hubungan darah dan perkahwinan dengan si mati malah, ia turut menetapkan hak pusaka terhadap janin dengan syarat-syarat yang tertentu¹⁴¹. Ini membuktikan Islam lebih

mementingkan keadilan dengan memberikan hak kepada mereka yang berhak menerimanya tanpa melihat kepada kedudukan, harta, pangkat dan keturunan seseorang¹⁴².

Selain daripada itu, proses untuk menghabuskan sistem pusaka masyarakat Arab Jahiliah dan Yahudi dan menggantikannya dengan sistem pusaka Islam tidak dilakukan dalam masa yang singkat. Ia dilakukan secara beransur-ansur sebelum dilaksanakan sepenuhnya agar manusia dapat melaksanakan sistem tersebut dengan sempurna. Proses ini sememangnya amat bersesuaian dengan naluri dan kemampuan manusia. Ini secara tidak langsung membuktikan, Islam adalah agama yang tidak membebangkan umatnya dalam melaksanakan sesuatu kewajipan¹⁴³.

1.9 Kesimpulan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa sistem pusaka Islam merupakan sistem yang terbaik, adil dan teratur dalam kaedah pembahagian harta pusaka. Ia merupakan salah satu sistem yang ditentukan Allah s.w.t sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Qurān dan al-Hadīth. Dalam melaksanakan kaedah pembahagiannya, sistem pembahagian ini telah menetapkan kadar dan penerimanya dengan berdasarkan kepada syarat-syarat tertentu. Mereka yang mempunyai hubungan darah dan perkahwinan dengan si mati berhak menerima harta tersebut. Dalam menetapkan kadarnya pula, sistem *farā'id* telah menentukan kadar yang lebih

kepada ahli waris lelaki berbanding ahli waris perempuan. Ini memandangkan ahli waris lelaki mempunyai tanggungjawab dan amanah yang lebih berat berbanding ahli waris perempuan.

Di samping itu, pembahagiannya pula bukanlah berdasarkan kepada kepentingan ahli waris tertentu tetapi berdasarkan kepada keadilan. Apabila berlaku kematian, ahli-ahli waris yang sah akan menerima bahagian mereka menikut kadar yang telah ditetapkan. Secara tidak langsung, sistem pusaka ini bukan sahaja menghapuskan ketidakadilan sebagaimana yang diamalkan dalam sistem pusaka masyarakat Arab Jahiliah dan Yahudi malah, mengikis semangat kesukuan dan kekeluargaan sebagaimana yang diamalkan dalam masyarakat tersebut. Ini kerana Islam mengakui hak mereka sebagai ahli waris dan bahagian yang diperuntukkan kepadanya tanpa membeza-bezakan di antara golongan lelaki dan golongan perempuan.

Selain daripada itu, sistem pusaka Islam juga lebih mengutamakan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan oleh setiap ahli waris terhadap tanggungan si mati. Ini terbukti dengan adanya konsep al-tarikhah sebelum pembahagian terhadap harta si mati dilakukan. Ia memberi kemudahan kepada ahli waris untuk menguruskan segala tanggungan si mati seperti urusan pengebumian, masalah hutang, wasiat dan sebagainya. Ini secara tidak langsung, ia dapat meringankan bebanan si mati di samping memberikan kesenangan dan ketenangan ketika berhadapan dengan Allah s.w.t.

Dengan kaedah pembahagian yang adil dan teratur, sistem pusaka Islam bukan sahaja mampu memperteguhkan ikatan kekeluargaan dan mengeratkan permuafakatan sesama ahli keluarga, menjamin umatnya sentiasa hidup bahagia, mengutamakan semangat persaudaraan, menjalin hubungan kasih sayang malah melindungi harta pusaka yang diterima. Ini memandangkan, harta pusaka merupakan suatu amanah daripada Allah s.w.t yang perlu dijaga dan dipelihara serta dimajukan agar menjadi suatu amal jariah kepada si mati.

Oleh itu, jelaslah bahawa sistem pembahagian harta pusaka yang dianjurkan Islam adalah sistem yang terbaik dengan mengutamakan semangat persaudaraan, menjalin perasaan kasih sayang di kalangan ahli keluarga, di samping mengikis semangat kesukuan dan kekeluargaan yang boleh membawa kepada perpecahan di kalangan ahli keluarga.

NOTA KAKI

- (1) Dr. Abd. Karīm Zaidān (1989). *al-Madkhāl li Dirāsah al-Syāriah al-Islāmiyah*, Baghdad: Mu'a'sassah al-Risālah, hal. 209.
- (2) Ibid.
- (3) Prof. Dr. Hamka, Haji Muhammad Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah (1966), *Tafsīr al-Azhār*, juzuk 4, Yayasan Nurul Islam, hal. 317.
- (4) Ibn. Kathīr al-Qurashyyi al-Dimashqī (1992). *Tafsīr al-Qurān al-'Azīm*, Jilid 1, Dar al-Fikr, hal. 565; Fatimah Ali, "Bahagian Pusaka Wanita: Satu Komentar", *Jurnal Syariah*. Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Jilid 4, Bilangan 1, Januari 1994.
- (5) Prof. Dr. Hamka, *op.cit.*, hal. 317.
- (6) Ahmad Zaki Tuffahah (1979). *al-Mar'ah wa al-Islām*. Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnāni, hal. 39.
- (7) Ibid.
- (8) Ibid.
- (9) Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff (1987). *Undana-undana Pusaka dalam Islam: Satu Kajian Perbandingan*, Kuala Lumpur: Percetakan al-Hidayah dan Hizbi, hal. 2.
- (10) Dr. Abd. Karīm Zaidān, *op.cit.*, hal. 221.
- (11) Badrān Abu al-'Aynayn Badrān (1981), *Ahkām al-Tarīkah wa al-Mawārīth fi al-Syāriah al-Islāmiyah wa al-Oānūn*, cetakan pertama, Mesir: Dar al-Ma'arif, hal. 31; Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff, *op.cit.*, hal. 2; Ibn. Kathīr al-Qurashyyi al-Dimashqī, *op.cit.*, hal. 570.
- (12) Ibid., Dr. Yāsin Ahmad Ibrahim al-Darādikah (1986). *al-Mirāth fi al-Syāriah al-Islāmiyah*, cetakan ketiga, Mesir: Muas'sasah al-Risālah, hal. 57; Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff, *op.cit.*, hal. 2.
- (13) Muhammad Idris Abd. Rauf al-Marbawi (t.t), *Kamus al-Marbawi*, juzuk kedua, Mesir: Matba`ah Mustafā al-Bābi al-Halabi wa Awlāduhu, hal. 385; Muhammad bin Abi Bakr bin Abd. Qadir al-Razi (1990), *Mukhtar al-Sihah*, Beirut: Dār al-Kitāb al-Ilmiah, hal. 298; *al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsi* (t.t), Mesir: Larus, Jamā'ah Min Kibār al-Lughawiyin al-Arab, hal. 1300; Ibn. Manzūr (1956), *Lisān al-'Arab*, Jilid 2, Beirut: Dār al-Sadr, hal. 1999-201; Dr. Muhammad Ali al-Šabūni

(1993), *al-Mawārīth fi al-Syari'ah al-Islāmiah fi Dau'i al-Kitāb wa al-Sunnah*, Damsyik: Dār al-Qalam, hal. 33; Dr. Syuqi Abdurrahman al-Sāhi (1988), *Mausū'ah Akhām al-Mawārīth*, Beirut: Dār al-Hikmah, hal. 58; Yusof Qasim (1984), *al-Huqūq al-Muta'alliqah bi al-Tarikh fi Fiqh al-Islāmi*, cetakan kedua, Arab: Dār al-Nahdah, hal. 2.

(14) Muhammad Mahyuddin Abd. Hamid (1991), *Akhām al-Mawārīth fi al-Syari'ah al-Islāmiah 'ala Madhāhib al-A'immah al-Arba'ah*, Beirut: Dār al-'Isriah, hal. 7; Dr. Ahmad al-Ghanbar (1966), *al-Mirāth fi al-Islām wa al-Qānūn*. Mesir: Dār al-Ma'ārif, hal. 7; Dr. Muhammad Ali al-Sabuni. op.cit.. hal. 34.

(15) Muhammad al-Syarbini al-Khatib (1958). *al-Mughnī al-Muhtāj*, jilid 3, Mesir: Matba'ah Mustafā al-Bābi al-Halabi, hal. 2; Muhammad al-Syarbini al-Khatib (t.t.), *al-Ignā' fī Hallī al-Faṣ Abi Suja'*, juzuk 2. Dār al-Fikr, hal. 99; Dr. Wahbah al-Zuhaili (1987), *al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*, juzuk kelapan, cetakan ketiga, Damsyik: Dār al-Fikr, hal. 243; Sihahbuddin Ahmad Ibn. Ali Ibn. Muhammad Ibn. Hajar al-Asqalani (1402H), *Fathu al-Bāri*, cetakan kedua. Beirut: Dār al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, hal. 2; Muhammad al-Zuhri al-Ghamrawi (t.t.), *al-Sirāju al-Wahhābi*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, hal. 319; Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad al-Husaini (t.t.), *Kifayah al-Akhyār*, juzuk kedua. Pulau Pinang: Maktabah wa al-Matba'ah Dar al-Ma'arif, hal. 11; al-Saved Sabiq (t.t.), *Fiqh al-Sunnah*. Jilid 3. Mesir: Dār al-Kitāb al-Islāmi, hal. 424.

(16) Dr. Wahbah al-Zuhaili (1987), Ibid. hal. 243: Muhammad al-Zuhri al-Ghamrawi, Ibid. hal. 319: Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad al-Husaini, Ibid. hal. 11; al-Saved Sabiq. Ibid. hal. 424; al-Ramli, Syamsuddin Muhammad bin Ahmad bin Hamzah (1967), *Nihāyah al-Muhtāj*, juzuk pertama. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi, hal. 2.

(17) Ibid. hal. 243.

(18) Dr. Saad Ibrahim Salleh (1991). *Akhām al-Mirāth wa al-Wasiyah fi Syari'ah al-Islāmiah*, cetakan pertama, Mesir: Dār al-Dhia' al-Kaherah, hal. 19.

(19) Ibid. hal. 34.

(20) Dr. Wahbah al-Zuhaili (1987), op.cit., hal. 243.

(21) Ibid.

(22) Muhammad al-Zuhri al-Ghamrawi, op.cit.. hal. 319.

(23) Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail (1983). *Sistem Pusaka Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. hal. 62.

(24) Dr. Tueku Iskandar (1984), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Pusaka dan Bahasa, hal. 940.

(25) Dr. Wahbah al-Zuhaili (1996), *Nail al-Autar min Ahādīth Sayyed al-Akhyār Syarh Muntagi al-Akhyār li al-Imam al-Mujtahid al-'Allamah Muhammad bin Ali al-Saukāni*, cetakan pertama, juzuk 6, Damsyik: Dar al-Khair, hal. 458; al-Saved Sabiq, *op.cit.*, hal. 425; Prof. Dr. Hamka, *op.cit.*, hal. 325.

(26) Ibid.; al-Sayed Sabiq, Ibid. hal. 425.

(27) Dr. Yasin Ahmad Ibrahim al-Darādikah, *op.cit.*, hal. 66.

(28) 'Aūl ialah pertambahan bahagian yang diterima oleh ahli fard. Ini disebabkan kerana bahagian harta yang diterima oleh ahli waris tersebut melebihi harta sebenar yang ditinggalkan oleh si mati. Sila lihat, Dr. Muhammad Ali al-Sabūni, *op.cit.*, hal. 115; Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail, *op.cit.*, hal. 213; Muhammad Mahyuddin Abd. Hamid, *op.cit.*, hal. 165.

(29) Radd ialah pengurangan pada bahagian yang diterima oleh ahli waris. Ini disebabkan jumlah bahagian yang diterima oleh ahli waris tersebut melebihi jumlah asal masalah. Sila lihat, Dr. Muhammad Ali al-Sabūni, Ibid. hal. 123; Muhammad Mahyuddin Abd. Hamid, hal. 171.

(30) Hajb ialah halangan iaitu ahli waris akan terhalang daripada mendapat bahagian pusaka disebabkan terdapatnya ahli waris yang lebih berhak menerimanya.

Hajb terbahagi kepada dua jenis. Pertama, *haib hirmān* (حِبْ حِرْمَانٍ) iaitu seseorang ahli waris akan terhalang daripada mendapat bahagian pusaka disebabkan terdapat ahli waris lain yang menghalangnya daripada menerima bahagian tersebut. Kedua, *hajb nuksān* (حِبْ نُكْسَانٍ) ialah memindahkan seorang waris dari mendapat bahagian pusakanya yang tertinggi kepada bahagian yang terendah disebabkan adanya ahli-ahli waris yang lain. Sila lihat, Dr. Muhammad Ali al-Sabūni, Ibid. hal. 81; Muhammad Mahyuddin Abd. Hamid, Ibid. hal. 153; Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail, *op.cit.*, hal. 197.

(31) Dr. Yassin Ahmad Ibrahim al-Darādikah, *op.cit.*, hal. 66.

(32) Dr. Wahbah al-Zuhaili (1987), *op.cit.*, hal. 248.

(33) Mati yang sebenar ialah kematian yang disaksikan sendiri oleh ahli-ahli waris atau kematian yang disaksikan oleh sekurang-kurang dua orang saksi Islam yang adil bagi menegaskan kematiannya. Sila lihat, Ibid.. Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff, *op.cit.*, hal. 57.

(34) Mati secara *hukmī* ialah mati menurut keputusan hakim terhadap seseorang dengan sebab-sebab tertentu sedangkan

dirinya mungkin masih hidup seperti orang yang hilang dan tidak diketahui sama ada hidup atau sebaliknya. Sila lihat, Ibid., Drs. Fatchur Rahman (1981). *Ilmu Waris*. cetakan kedua, Bandung: Penerbit al-Ma'arif. hal. 36: Dr. Ahmad al-Ghandur, *op.cit.*, hal. 7; Dr. Muhammad Ali al-Sabūni, *op.cit.*, hal. 39.

(35) Mati secara *taqdīrī* ialah seperti anak kandungan yang lahir mati dengan sebab suatu perbuatan jenayah yang berlaku ke atas ibunya. Sila lihat, Ibid.. Dr. Ahmad al-Ghandur, Ibid. hal. 7.

(36) Ahli-ahli *fard* ialah ahli-ahli waris yang berhak mendapat bahagian tertentu daripada harta pusaka menurut ketetapan syarak. Antaranya ialah suami, isteri, bapa, ibu, datuk, nenek, anak perempuan dan sebagainya. Sila lihat. Ibid., Badran Abu al-'Aynayn Badran, *op.cit.*.. hal. 108.

(37) 'Asabah ialah ahli-ahli waris yang tidak mendapat bahagian mereka secara *fard* mengikut ketetapan svarak seperti anak lelaki seibu sebapa dan sebagainya. Mereka akan menghabiskan semua harta pusaka yang ditinggalkan sekiranya tidak terdapat orang lain yang berhak mendapat bahagian *fard* dalam harta pusaka.

Menurut ulama *farā'id*, 'asabah ialah ahli waris yang berhak mendapat semua harta pusaka si mati sekiranya ia adalah waris tunggal si mati, mengambil baki daripada pembahagian ahli *fard* dan ada kalanya tidak mendapat sesuatu daripadanya.

'Asabah terbahagi tiga jenis. Pertama, 'Asabah pada dirinya ialah semua ahli waris lelaki yang membunyai hubungan darah dengan si mati yang tidak diselangi oleh waris perempuan. Antaranya, bapa, datuk, anak lelaki dan sebagainya. Kedua, 'Asabah oleh yang lain ialah ahli waris daripada ahli-ahli *fard* yang perempuan. Mereka akan menerima pusaka secara 'asabah dengan kehadiran ahli-ahli waris lelaki. Ketiga, 'Asabah bersama dengan yang lain ialah saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan sebapa sahaja. Mereka menerima 'asabah bersama sekiranya si mati meninggalkan anak perempuan atau anak perempuan daripada anak lelaki. Sila lihat, Ibid. hal. 280; Dr. Abd. Karim Zaidān, *op.cit.*, hal. 65; Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail, *op.cit.*.. hal. 183.

(38) *Zawi al-arhām* ialah mereka yang membunyai hubungan darah dengan si mati selain daripada waris ahli-ahli *fard* dan 'asabah. Mereka akan mewarisi harta si mati sekiranya tidak terdapat ahli-ahli *fard* dan 'asabah atau ada tetapi tidak menghalang mereka mendapat bahagian pusaka.

Terdapat perselisihan pendapat di kalangan para fuqahā' berhubung cara perwarisan melalui *zawi al-arhām*.

a) Mazhab Hanafi dan Hambali berpendapat, *zawi al-arhām* berhak mendapat pusaka sekiranya terdapat baki daripada pembahagian pusaka.

b) Mazhab Syafī'i dan Mālikī (pendapat terdahulu) telah

menolak pewarisan secara *zawi al-arhām*. Sekiranya terdapat baki daripada pembahagian pusaka, baki tersebut hendaklah diserahkan kepada *Baitulmāl*. Walau bagaimanapun, Mazhab Syāfi'i dan Mālikī (pendapat baru) telah menerima pewarisan ini. Mereka berpendapat, baki daripada pembahagian pusaka tersebut hendaklah diserahkan kepada *zawi al-arhām* memandangkan *Baitulmāl* sentiasa terdedah kepada penyelewengan daripada pihak tertentu. Sila lihat. Ibid. hal. 65: Badrān Abu al-'Aynayn Badrān, *op.cit.*, hal. 109: Dr. Muhammad Ali al-Sabūni (t.t), *Rawā'i al-Bayān Tafsīr avat al-Ahkām min al-Qurān*, juzuk 2, Dār al-Fikr, hal. 280-281: Dr. Syuki Abdurrahman, *op.cit.*, hal. 218: Muhammad Mahyuddin Abd. Hamid, *op.cit.*, hal. 20-23.

(39) Abdur Rahman I.Doi (1995). *Undana-undana Svariah*. terjemahan Rohani Abd. Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 354.

(40) Mereka terdiri daripada Imam Abu Hanifah, Imam Syāfi'i, Imam Mālik dan Imam Ahmad bin Hanbal telah bersetuju dengan pandangan Umar, Abu Bakar, Ibn Abbas dan Zaid bin Thābit dan kebanyakannya fuhāhā yang lain. Sila lihat. Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff, *op.cit.*, hal. 72.

(41) al-Nawawi, Abu Zakariya, Muhyiddin Ibn. Svaraf (t.t). *al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab*, jilid 16. Dār al-Fikr. hal. 67-68; Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff. Ibid. hal. 72.

(42) Badrān Abu al-'Aynayn Badrān. *op.cit.*, hal. 289.

(43) Dr. Abd. Karim Zaidan. *op.cit.*, hal. 263: Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail, *op.cit.*, hal. 73.

(44) Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff. *op.cit.*, hal. 75.

(45) Ibid.

(46) Ibid. hal. 84; Abdur Rahman I.Doi. *op.cit.*, hal. 353; Ibrahim al-Bajuri (t.t), *Hasyiah al-Bajūrī 'ala Svarh al-Syansuri fi al-'Ilmi al-Farā'id*. Mesir: Dār al-Ihya Kutub al-'Arabiah, hal. 221.

(47) Ibid.; Ibn. Qudamah, Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammmad (1348H), *al-Mughnī*, Juzuk 6, Mesir: Matba'ah Dār al-Manar, hal. 359.

(48) Ibn. Qudāmah, Ibid. hal. 359: Ibrahim al-Bajuri, *op.cit.*, hal. 222.

(49) *Maurūth* dinyatakan juga sebagai *al-Tarikah*. Sila lihat. Badrān Abu al-'Aynayn Badrān, *op.cit.*, hal. 73; Dr. Wahbah al-Zuhaili (1987), *op.cit.*, hal. 249; Drs. Fatchur Rahman, *op.cit.*, hal. 36.

(50) Drs. Fatchur Rahman, *op.cit.*.. hal. 36: Dr. Muhammad Ali al-Sabūni, *op.cit.*.. hal. 39-40.

(51) Dr. Muhammad Ali al-Sabūni. *op.cit.*.. hal. 39: Muhammad Mahyuddin Abd. Hamid, *op.cit.*.. hal. 15: Ibn. Oudamah. *op.cit.*.. hal. 304; Muhammad al-Zuhari al-Ghamrāwi. *op.cit.*.. hal. 320.

(52) Dr. Wahbah al-Zuhaili (1987), *op.cit.*.. hal. 249.

(53) Nikah yang sah ialah nikah yang diterima menurut hukum syarak sama ada berlaku persetubuhan atau tidak. Sekiranya mati salah seorang sebelum berlaku persetubuhan ia tetap berhak mendapat pusaka. Sila lihat. Ibid. hal. 250: Dr. Muhammad Ali al-Sabūni, *op.cit.*.. hal. 39: Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail, *op.cit.*.. hal. 68.

(54) Nikah yang *fāsid* ialah nikah yang bertentangan hukum syarak dengan adanya sebab-sebab yang tertentu seperti disaksikan oleh saksi yang tidak adil dan sebagainya. Sila lihat, Ibid., Muhammad Abu Zahrah (1950), *al-Ahwāl al-Svah-siah*, cetakan kedua, Mesir: Dār al-Fikr al-'Arabi. hal. 52-58; Muhammad Mahyuddin Abd. Hamid, *op.cit.*.. hal. 16.

(55) Dr. Muhammad Ali al-Sabūni, *op.cit.*.. hal. 39.

(56) Muhammad Ibn. Ahmad Ibn. Rusyd (t.t). *Bidāyah al-Mujta-hid*, Jilid 2, Beirut: Dār al-Fikr. hal. 56: Hj. Abdul Ghani Hj. Yahya (t.t), *Kaedah Membahagi Pusaka*. Johor Bahru: Ahmadiah Press, hal. 21; Badrān Abu al-'Avnayn Badrān. *op.cit.*.. hal. 83; Dr. Syuki Abduh al-Sahi. *op.cit.*.. hal. 91.

(57) Dr. Wahbah al-Zuhaili (1987). *op.cit.*.. hal. 250.

(58) Ibid.

(59) Ibid., Badrān Abu al-'Aynayn Badrān. *op.cit.*.. hal. 85.

(60) Ibid. hal. 250-251.

(61) *Walā'* diertikan sebagai pertolongan atau kasih sayang. Sila lihat, Muhammad Idris Abd. Rauf al-Marbawi. *op.cit.*.. hal. 398; Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail, *op.cit.*.. hal. 71: Muhammad Abu Zahrah (1963), *Ahkām al-Tarīkah wa al-Mawāritiḥ*. Dār al-Fikr al-Arabi, hal. 93.

(62) Mengikut hukum asal, seorang hamba tidak berhak mendapat mendapat pusaka. Ini disebabkan, ia terhalang daripada mempusakai sebarang harta pusaka. Namun, sekiranya tuan yang memerdekakannya tidak meninggalkan sebarang ahli waris daripada kerabatnya, maka hamba tersebut berhak mendapat pusaka selepas kematiannya. Sila lihat. Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail, Ibid. hal. 71.

(63) Iaitu suatu akad yang dilakukan oleh seseorang dengan seorang yang lain untuk mewarisi harta masing-masing dengan syarat-syarat tertentu. Sila lihat. Ibid. hal. 71.

(64) Ibid.

(65) al-Ramli, *op.cit.*, hal. 9; Drs. Faqihur Rahman. *op.cit.*, hal. 122; Muhammad al-Svarbini al-Khatib. *op.cit.*, hal. 4; Hj. Abdul Ghani Hj. Yahya. *op.cit.*, hal. 22; Dr. Wahbah al-Zuhaili (1987), *op.cit.*, hal. 251.

(66) al-Nawawi, Abu Zakariya. Muhyiddin Ibn Svaraf (1992). *Raudatu al-Talibin*, juzuk kelima. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, hal. 5.

(67) Hj. Abdul Ghani Hj. Yahya, *op.cit.*, hal. 22.

(68) Muhammad Mahyuddin Abd. Hamid. *op.cit.*, hal. 37; al-Sayed Sabiq, *op.cit.*, hal. 427; Dr. Othman Ishak (1979). *Hubungan Antara Undang-undang Islam dengan Undang-undang Adat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hal. 106.

(69) Dr. Wahbah al-Zuhaili (1987). *op.cit.*, hal. 255.

(70) Ibn. Qudamah, *op.cit.*, hal. 337.

(71) 'Izzuddin Balīq (1983). *Manhāj al-Sālihiñ min Ahādīth wa al-Sunnah Khātim al-Ambiā' wa al-Mursalin*. cetakan pertama, Penerbitan Dar al-Fath, hal. 372.

(72) Abu Daud (1952), *Sunan Abī Daud*. Jilid 2. Kaherah: Mustafā al-Bābi, hal. 112; al-Nawawi (1996). *op.cit.*, hal. 60.

(73) a). Mazhab Syāfi'i berpendapat, semua bentuk pembunuhan sama ada sengaja atau tidak sengaja menghalang seseorang daripada mendapat pusaka. Ini termasuklah pembunuhan yang dilakukan secara sah di sisi undang-undang atau dibenarkan syarak atau dilakukan bukan untuk mendapat harta si mati.

b). Mazhab Mālikī hanya mensyaratkan pembunuhan secara sengaja sahaja yang menghalang seseorang mendapat pusaka. Namun, sekiranya pembunuhan dilakukan secara tidak sengaja ia masih berhak mendapat pusaka tetapi tidak boleh mewarisi diyyat yang dibayar oleh dirinya. Namun, hak pusaka tetap kekal sekiranya pembunuhan yang dilakukan adalah sah di sisi undang-undang seperti menjalankan hukuman bunuh yang diaturkan oleh pihak mahkamah dan sebagainya.

c). Mazhab Hanafī dan Mazhab Hanbalī berpendapat pembunuhan sama ada sengaja atau tidak tetapi menghalang seseorang mendapat pusaka. Namun, sekiranya melakukan pembunuhan yang sah di sisi undang-undang seperti mempertahankan diri pembunuhan oleh orang yang tidak waras, ia tidak menghalang untuk mendapat pusaka. Sila lihat. Abdur Rahman I. Doi. *op.cit.*, hal. 400; Muhammad Mahyuddin Abd. Hamid. *op.cit.*.

hal. 42-49; Muhammad bin Idris al-Syāfi`ī (1961). *al-Umm*. Jilid 7, Mesir: Matba`ah Kuliyyah al-Azhariah. hal. 329-330: Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff, *op.cit.*.. hal. 96-99.

(74) Dalam masalah ini Jumhūr fūqahā' bersepakat. umat Islam tidak berhak mewarisi harta saudaranya yang bukan Islam. Pendapat ini turut diterima di dalam Mazhab Syiah.

Mengikut Mazhab Hanafī, sekiranya seorang lelaki berlaku murtad, harta yang diperolehi semasa Islamnya akan diwarisi oleh warisnya yang beragama Islam. Harta yang diperolehi semasa pertukaran agamanya hendaklah diserahkan kepada Perbendaharaan Negara.

Sekiranya seorang perempuan yang murtad bula. Mazhab Syāfi`ī, Hanbalī dan Hanafī berpendapat semua hartanya akan diserahkan kepada Perbendaharaan Negara. Sila lihat, Abdur Rahman I. Doi, *Ibid.*, Dr. Syuki Abduh al-Sahi. *op.cit.*.. hal. 104-111; `Izzuddin Balīq, *op.cit.*.. hal. 374.

(75) Dr. Wahbah al-Zuhaili (1996). *op.cit.*.. hal. 478: al-Nawawi, Abu Zakariya, Muhyiddin Ibn. Syaraf (t.t.). *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawāwi*, juzuk 11. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah, hal. 52.

(76) *Ibid.* hal. 402.

(77) Mazhab Hanafī berpendapat, perbezaan tempat tinggal ini hanya terpakai ke atas orang-orang yang bukan Islam sahaja. Sekiranya orang yang bukan Islam yang tinggal di suatu negeri mati, saudaranya di negeri yang lain tidak boleh menuntut harta pusakanya kecuali ia mempunyai warganegara yang sama. Sila lihat, Dr. Wahbah al-Zuhaili (1987). *op.cit.*.. hal. 267; Badrān Abu al-`Aynayn Badrān. *op.cit.*.. hal. 101; Sayed Sabiq (1976), *Fiqh al-Sunnah*. alihbahasa oleh H.Kamaruddin A.Marzuki, Kuala Lumpur: Penerbitan Victory Agencie, hal. 243.

(78) Dr. Syuki Abduh al-Sahi (1980). *Adalah al-Islam fi Ahkām al-Mawāritīh*, cetakan pertama. Mesir: Dār al-Matbu`ah al-Daulah, hal. 286; Badrān Abu al-`Aynayn Badrān. *op.cit.*.. hal. 323; Abdur Rahman I. Doi, *op.cit.*.. hal. 402: Ibn Qudāmah, *op.cit.*.. hal. 259.

(79) *Ibid.* hal. 286.

(80) *Ibid.*

(81) Muhammad bin Abi Bakr bin Abd. Qadir al-Razi. *op.cit.*.. hal. 77; Badrān Abu al-`Aynayn Badrān. *op.cit.*.. hal. 32: al-Sayed Sabiq, *op.cit.*.. hal. 425.

(82) Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail, *op.cit.*.. hal. 89.

(83) al-Ramli, *op.cit.*.. hal. 3; Badrān Abu al-`Aynayn Badrān, *op.cit.*.. hal. 32.

- (84) Badrān Abu al-`Aynayn Badrān, Ibid. hal. 32.
- (85) Ibid. hal. 32; Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail. op.cit., hal. 90.
- (86) Ibid. hal. 33; Ibn. Abidin. Muhammad Amin (1966), *Hasyiah Radd al-Mukhtār 'ala al-Dār al-Mukhtār*. juzuk 5, Mesir: Mustafā al-Bābi al-Halabī, hal. 500.
- (87) Dr. Muhamad Ali al-Šabūni, op.cit., hal. 34.
- (88) Badrān Abu al-`Aynayn Badrān, op.cit., hal. 45.
- (89) Muhammad Mahyuddin Abd. Hamid. op.cit., hal. 8; Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail, op.cit.. hal. 95: al-Sayed Sabiq, op.cit., hal. 425.
- (90) Ibid. hal. 8.
- (91) Hj. Sulaiman Rasjid (1954). *Fiqh Islam*. Jakarta: Penerbit al-Tahirah, hal. 330.
- (92) Ibid. hal. 330; Dr. Wahbah al-Zuhaili (1987). op.cit., hal. 278.
- (93) Ibid. hal. 278.
- (94) Muhammad Mahyuddin Abd. Hamid. op.cit., hal. 9.
- (95) Dr. Syuki Abduh al-Sahi, op.cit., hal. 79.
- (96) Ibid. hal. 79; Drs. Fatchur Rahman. op.cit., hal. 43.
- (97) Ibid. hal. 79.
- (98) Abdur Rahman I. Doi, op.cit., hal. 404.
- (99) Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail. op.cit., hal. 98.
- (100) Dr. Syuki Abduh al-Sahi, op.cit., hal. 79.
- (101) Ibid. hal. 79.
- (102) Abu Muhammad Ali bin Ahmad b. Said b. Hazm. al-Zahiri (457H), *al-Muhallā*, Jilid 9, Dār al-Fikr. hal. 203.
- (103) Ibid.
- (104) Drs. Fatchur Rahman, op.cit.. hal. 47: Muhammad Muhyuddin Abd. Hamid, op.cit., hal. 8.
- (105) Abdur Rahman I. Doi, op.cit.. hal. 404.
- (106) Wasiat mengikut syarak ialah pemberian seseorang

kepada orang lain sama ada berupa wang atau manfaat yang dimiliki oleh orang yang diberi wasiat sesudah kematian orang yang memberi wasiat.

Sebahagian fujahā' mendefinisikan wasiat adalah pembeiran hakmilik secara sukarela yang dilaksanakan setelah kematian orang yang memberi wasiat. Sila lihat. al-Sayed Sabiq, *op.cit.*, hal. 414.

(107) Badrān Abu al-'Aynayn Badrān. *op.cit.*, hal. 65.

(108) Sayed Sabiq, *op.cit.*, hal. 232.

(109) Muhammad Ibn. Ali Ibn. Muhammad al-Svaukani (t.t). *Nail al-Autār*, Jilid 6, Dār al-Jil, hal. 43.

(110) Ibid. hal. 43.

(111) Sayed Sabiq, *op.cit.*, hal. 232.

(112) Muhammad bin Idris al-Syāfi'i, *op.cit.*, hal. 89.

(113) Ibid. hal. 89.

(114) Abd. Azim Judah Fiyad, al-Sufi (1955). *Nizām al-Mawārit̄h*, cetakan kedua, Mesir: Dār al-Kitāb al-Arabi. hal. 42-43.

(115) Ibid. hal. 43.

(116) Dr. Yasin Ahmad Ibrahim al-Darādikah, *op.cit.*, hal. 35.

(117) Abdul Rashid Hj. Abdul Latiff. *op.cit.*, hal. 1.

(118) Ibid.

(119) Dr. Wahbah al-Zuhaili (1991). *al-Tafsīr al-Munīr*. juzuk 3-4, Beirut: Dar al-Fikr, hal. 272; Prof. Coulson N.J. (1971), *Succession in the Muslim Law*. Cambridge University Press, hal. 29; Muhammad al-Syarbini al-Khatib (t.t). *op.cit.*, hal. 99; Dr. Yasin Ahmad Ibrahim al-Darādikah. *op.cit.*, hal. 39; Ibn. Kathir al-Qurasyyi al-Dimashqī. *op.cit.*, hal. 565.

(120) Ibid. hal. 272; Dr. Ahmad Yasin Ibrahim al-Darādikah. Ibid. hal. 39; Muhammad al-Syarbini al-Khatib. Ibid. hal. 99; Dr. Syuki Abdurrahman al-Sahi, *op.cit.*, hal. 30; Dr. Muhammad Ali al-Sabūni (1993), *op.cit.*, hal. 21; Taqīyuddin Abi Bakr bin Muhammad al-Husaini, *op.cit.*, hal. 11.

(121) Dr. Ahmad al-Ghandur, *op.cit.*, hal. 35; Prof. Coulson N.J. *op.cit.*, hal. 29-30.

(122) Dr. Wahbah al-Zuhaili (1991), *op.cit.*, hal. 273: Drs.

Fatchur Rahman, *op.cit.*, hal. 12; Muhammad al-Syarbini al-Khatib (t.t), *op.cit.*, hal. 99; Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad al-Husaini, *op.cit.*, hal. 11.

(123) Ibid. hal. 272; Badrān Abu al-`Aynayn Badrān. *op.cit.*.. hal. 10-12.

(124) Ibid.

(125) Badrān Abu al-`Aynayn Badrān. *op.cit.*.. hal. 10.

(126) Dr. Ahmad al-Ghandur, *op.cit.*, hal. 35.

(127) Ibid. hal. 35.

(128) Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail, *op.cit.*.. hal. 6-7.

(129) Ibid. hal. 7.

(130) Ibid. hal. 48.

(131) Badrān Abu al-`Aynayn Badrān. *op.cit.*.. hal. 30: Muhammad al-Syarbini al-Khatib (t.t). *op.cit.*, hal. 99.

(132) Ibid. hal. 30.

(133) Syeikh Muhammad Shaltut (t.t). *al-Fatawā*. cetakan kedua, Mesir: Dār al-Qalam, hal. 322-324.

(134) Dr. Syuki Abdurrahman al-Sahi (1988). *Mausu`ah Ahkām al-Mawāritiḥ*, Beirut: Dār al-Hikmah, hal. 35.

(135) Ibid. hal. 43.

(136) Ibid. hal. 44.

(137) Ibid. hal. 45.

(138) Ibid. hal. 41; Prof. Coulson N.J. *op.cit.*.. hal. 29-30.

(139) Ibid. hal. 42.

(140) Abdul Rashid Hj. Abd. Latiff, *op.cit.*.. hal. 1.

(141) Dr. Abd. Karim Zaidan, *op.cit.*.. hal. 263.

(142) Ibid. hal. 263.

(143) Hj. Abd. Kadir Hj. Ismail, *op.cit.*.. hal. 49.